



**SOALAN LAZIM BERKAITAN GERAN KHAS PRIHATIN (GKP)**  
**PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN PKS)**

<b>S1:</b>	<b>Apakah Geran Khas PRIHATIN?</b>
J1:	Geran Khas PRIHATIN (GKP) adalah bantuan kewangan secara <i>one-off</i> berjumlah RM3,000 kepada Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) mikro yang berkelayakan bagi meringankan beban kewangan perniagaan mereka yang terjejas akibat wabak COVID-19.
<b>S2:</b>	<b>Siapakah yang layak memohon Geran Khas PRIHATIN?</b>
J2:	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pemohon mestilah berstatus warganegara Malaysia; dan</li><li>2. Pemohon yang menjalankan Perusahaan Kecil &amp; Sederhana (PKS) mikro seperti berikut:<ul style="list-style-type: none"><li>- Jumlah jualan atau perolehan tahunan kurang daripada RM300,000; dan</li><li>- Jumlah pekerja kurang daripada 5 orang, tidak termasuk pemilik; dan</li></ul></li><li>3. Berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebelum atau pada <b>31 Disember 2019</b>; dan</li><li>4. Masih aktif menjalankan perniagaan semasa permohonan dibuat; dan</li><li>5. Semakan silang data dengan agensi yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.</li></ol>
<b>S3:</b>	<b>Berapakah nilai Geran Khas PRIHATIN?</b>
J3:	Jumlah nilai Geran Khas PRIHATIN adalah RM3,000 yang akan dibayar secara <i>one-off</i> .
<b>S4:</b>	<b>Bagaimanakah memohon Geran Khas PRIHATIN?</b>
J4:	Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui Portal GKP ( <a href="https://gkp.hasil.gov.my">https://gkp.hasil.gov.my</a> ) yang disediakan oleh LHDNM. Permohonan secara manual tidak akan diterima.

<b>S5:</b>	<b>Bilakah tarikh permohonan Geran Khas PRIHATIN bermula?</b>
J5:	Permohonan Geran Khas PRIHATIN dibuka mulai <b>1 Mei 2020 hingga 15 Mei 2020</b> .
<b>S6:</b>	<b>Bilakah keputusan permohonan boleh diketahui?</b>
J6:	Pemohon boleh menyemak keputusan permohonan bermula pada minggu pertama Jun 2020.
<b>S7:</b>	<b>Saya berdaftar dengan agensi kerajaan (contohnya SSM dan Pihak Berkuasa Tempatan) tetapi tidak berdaftar dengan LHDNM, adakah saya layak memohon Geran Khas PRIHATIN?</b>
J7:	Layak. Pemohon hendaklah mengisikan butiran pendaftaran perniagaan di borang permohonan dalam talian semasa memohon.
<b>S8:</b>	<b>Bilakah tarikh pembayaran Geran Khas PRIHATIN akan dibuat?</b>
J8:	Pembayaran dijangka akan dibuat pada bulan Jun 2020.
<b>S9:</b>	<b>Bagaimanakah kaedah bayaran Geran Khas PRIHATIN dilaksanakan?</b>
J9:	Pembayaran akan dikreditkan ke akaun bank pemohon yang layak. Akaun bank mestilah aktif.

Disediakan pada 30 April 2020